

Nama:

Nombor pusat / angka giliran

900/1

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

(Dua jam)

PRA SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2012

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA
DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A,
Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam Bahagian A
dan Bahagian B dan dua soalan dalam Bahagian C.

Ada lima belas soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan
diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul
dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan
yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan
itu dengan teliti.

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B pada
ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam bahagian
C, Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu
dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan
anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan
dalam tanda kurung []


Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
1	
2	
3	
4	
5	
6	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 10 halaman bercetak dan 0 halaman kosong

Bahagian A
[15 markah]

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul dan buat bulatan pada jawapan tersebut.

1.



Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa yang sesuai bagi X, Y dan Z mengikut peruntukan Senarai Perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

	X	Y	Z
A	Senjata api dan ubat bedil	Pembangunan bandar.	Tangkapan ikan.
B	Hukum syariah	Pendaftaran penduduk	Undang-undang kecil daerah
C	Rezab Melayu	Cukai pintu	Suruhanjaya siasatan
D	Pertukaran wang asing	Hasil hutan	Perparitan dan Bandar raya.

2. Yang manakah pindaan Perlembagaan Persekutuan berikut memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja?

- I Keistimewaan Parlimen.
- II Melantik Perdana Menteri
- III Jaminan persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri.
- IV Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

3. Yang berikut yang manakah persamaan tugas Sultan dan Yang Dipertua Negeri?

- A. Ketua Agama Islam Negeri
- B. Melantik ketua Kerajaan Negeri.
- C. Memilih Yang di- Pertuan Agong
- D. Berkuasa memanggil mesyuarat Majlis Raja-Raja

4.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan• Menetapkan nama-nama jalan di kawasan perumahan |
|--|

Penyataan di atas merujuk kepada bidang kuasa

- A. Pejabat Tanah Dan Daerah
- B. Pihak Berkuasa Tempatan
- C. Jawatan Kuasa Tindakan Daerah.
- D. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

5. Yang manakah padanan berikut benar tentang Agensi Pusat?

	Agensi		Fungsi
I	Unit Perancang Ekonomi	P	Mengagih sumber kewangan kepada agensi kerajaan.
II	Unit Penyelarasan Pelaksanaan	Q	Menjalankan penyelidikan sosial dan ekonomi.
III	Perbendaharaan	R	Membantu kerajaan dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan.
IV	Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia	S	Mengemukakan teknik dan inovasi pengurusan terkini.

	I	II	III	IV
A	Q	R	P	S
B	P	Q	R	S
C	Q	P	R	S
D	S	P	Q	R

6

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ahli Dewan Rakyat • Mesti warganegara secara kuatkuasa undang-undang |
|---|

Syarat kelayakan di atas boleh memegang jawatan sebagai

- Menteri.
- Timbalan Menteri
- Perdana Menteri
- Setiausaha Parlimen

7. Yang manakah berikut bidang kuasa Yang di- Pertuan Agong?

- I. Melantik Juru Audit Negara
- II. Melantik Yang Dipertua Dewan Rakyat
- III. Ketua Agama Islam Wilayah Persekutuan
- IV. Memberi pengampunan kes-kes Mahkamah Syariah Kelantan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

8. Yang manakah BENAR tentang fungsi Majlis Raja-Raja?

- I. Memilih Yang di-Pertuan Agong.
- II. Memberi pengampunan pesalah di Mahkamah Syariah.
- III. Memberi persetujuan terhadap perantikan Perdana Menteri
- IV. Memberi persetujuan terhadap perantikan ahli suruhanjaya.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

9. Yang manakah di antara pernyataan berikut **benar** mengenai keahlian Majlis Parlimen di Malaysia?

	Majlis Parlimen	
	Dewan Negara	Dewan Rakyat
I	Ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong	Ahli dipilih oleh rakyat
II	Ahli berumur 30 tahun dan ke atas	Ahli berumur 21 dan tahun ke atas

III	Tempoh perkhidmatan sepenggal ialah 6 tahun	Tempoh perkhidmatan sepenggal ialah 5 tahun
IV	Yang Dipertua bukan dari kalangan ahli Dewan	Yang Dipertua dari kalangan ahli Dewan.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

10. Undang-undang hanya boleh dikuatkuasakan setelah

- A diluluskan oleh Kabinet
- B diluluskan oleh Parlimen
- C diwartakan sebagai warta kerajaan
- D diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong

11. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya?

- A Pemecatan dilakukan oleh Perdana Menteri
- B Saraan dibayar oleh Perbendaharaan
- C Seorang pegawai kanan dalam perkhidmatan awam
- D Perlantikan dibuat selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

12. Antara yang berikut, yang manakah ketua pentadbir bagi mahkamah-mahkamah di Malaysia?

- A Peguam Negara
- B Ketua Pendaftar
- C Ketua Hakim Negara
- D Peguamcara Negara

13.

- Jabatan Perangkaan
- Jabatan Audit Negara
- Jabatan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Agensi-agensi di atas di bawah bidang kuasa

- A Kementerian Kewangan
- B Jabatan Perdana Menteri
- C Kementerian Dalam Negeri
- D Kementerian Sumber Manusia

14 Bidang kuasa Mahkamah Syariah

	Jenayah	Sivil
I	Menukar agama	Nafkah anak
II	Mendera isteri	Tidak bersembahyang
III	Meminum minuman keras	Harta sepencarian
IV	Perceraian	Berzina

Yang manakah padanan kes berikut yang betul?

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

15.

- Telah bermastautin di Malaysia selama 10 tahun daripada 12 tahun sebelum permohonan
- Berminat untuk tinggal di Malaysia

Penyataan di atas merujuk kepada syarat asas untuk memohon kewarganegaraan secara

- A masukan
- B pendaftaran
- C cantuman wilayah
- D kuatkuasa undang-undang

Bahagian B
[15 markah]

Jawab semua soalan.

1. Senaraikan dua kriteria penentuan jumlah sumbangan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. [2]

.....
.....

2. Senaraikan dua kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong. [2]

.....
.....

3. Nyatakan tiga cara untuk menghadapkan seseorang ke mahkamah atas tuduhan jenayah. [3]

.....
.....
.....

4. Senaraikan dua majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. [2]

.....

.....

5. Senaraikan tiga perkara yang melucutkan seseorang ahli Dewan Rakyat. [3]

.....
.....
.....

6. Senarai tiga kaedah bela diri seseorang tertuduh yang sedang dibicarakan. [3]

.....
.....
.....

Bahagian C

Pilih *dua* daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. [50]

1 Walaupun penggunaan internet sebagai platform perniagaan semakin mendapat tempat di negara ini, sambutan masyarakat terhadap penggunaannya masih rendah berbanding negara maju. Bincangkan.

2 Kegiatan merempit bukanlah satu fenomena baru di negara ini. Walaupun kegiatan ini mengundang masalah kepada pelbagai pihak, kegiatan itu masih sukar dibanteras. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan gejala ini berleluasa dan cadangkan langkah-langkah untuk menanganinya.

3 Hasrat untuk memacu negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020 perlu didokong oleh usaha melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Huraikan.

